



جابتن قنديديكن نكري سميلن دارا لخصوص

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**
JALAN DATO' HAMZAH KARUNG BERKUNCI No. 6
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
Tel : 06-7653100 Fax : 06-7639969



Ruj. Tuan : XU/2019/04/15/PPD
Ruj. Kami : JPNS.SPS.PP.100-2/5/4Jld.70(23)
Tarikh : 10 MEI 2019

Encik Saiful Adli bin Mokhtar

Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park
No.1 Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam
Selangor

Tuan,

**KEBENARAN UNTUK PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED: LEARN AND EARN 2019"
YANG DIJALANKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat Kementerian Pendidikan Malaysia no. rujukan : **KPM.600-10/22/6 Jld.83(100) bertarikh 08 Mac 2019** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan tiada halangan kepada pihak **Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd** untuk **Menjemput Sekolah-Sekolah Di Sekitar Negeri Sembilan Ke Program Kitar Semula "Xused: Learn and Earn 2019"** seperti yang dimohon. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018 – Garis Panduan Perwakilan Kuasa** daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru, dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan perlu mematuhi syarat-syarat berikut :-

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada Guru Besar dan Pengetua sekolah yang terlibat;
- 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Penyertaan guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.4 Guru, murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 3.5 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru dan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.6 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;

- 3.7 **Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga;**
- 3.8 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.9 Pihak penganjur perlu mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia no.rujukan: **KPM.600-10/22/6 Jld.83(100);**
- 3.10 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;**
- 3.11 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 3.12 Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha untuk Melindungi Masa Instruksional (MMI) yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, **pihak kami mencadangkan supaya penyertaan sekolah bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.**

5. Kelulusan ini (**Kebenaran Untuk Program Kitar Semula "Xused:Learn and Earn 2019" yang Dijalankan Di Sekolah-sekolah Negeri Sembilan**) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2019.**

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH . MUAFAKAT .SEJAHTERA'**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MISRI BIN MISTAMA)
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
b.p. Pengarah Pendidikan
Negeri Sembilan Darul Khusus

s.k.: Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan